



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

PELANCARAN RESTORAN SANTAN DAN T&CO

2 DISEMBER 2019

**RESTORAN SANTAN, TINGKAT 1,
MIDVALLEY MEGAMALL, KUALA LUMPUR**

SALUTATIONS

- **Yang Berusaha Dr. Alauddin Bin Sidal**

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)
KPDNHEP

- **Dato' Kamarudin Meranun**

Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia

- **Tan Sri Tony Fernandes**

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AirAsia

- **Cik Aireen Omar**

Presiden Kumpulan AirAsia (RedBeat Ventures)

- **Yang Berusaha Tuan Shamshuzaman bin Sulaiman**

Pengarah Pembangunan Francais, KPDNHEP

- Para tetamu kehormat,
- Rakan-rakan media,
- Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum W.B.T, dan Salam Sejahtera.

1. Pertamanya, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada pihak pengurusan AirAsia kerana sudi menjemput saya untuk hadir ke program yang penting pada pagi ini. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Santan and T&CO kerana telah berjaya menganjurkan pembukaan restoran yang menjadi segmen baru yang diteroka oleh kumpulan AirAsia.
2. Kewujudan Santan and T&CO seperti mana yang kita lihat pada pagi ini sebenarnya lahir daripada idea dan inovasi kreatif pengembangan perniagaan dalam sektor penerbangan kepada sektor makanan dan minuman. Dengan kekuatan ini memberikan kelebihan kepada AirAsia untuk mengukuhkan kedudukan mereka seterusnya dapat menyumbang kepada kekuatan ekonomi domestik dalam negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan terhormat sekalian,

3. Di samping makanan yang ditawarkan oleh AirAsia di dalam menu penerbangan mereka yang pelbagai, mungkin terdapat ribuan kisah-kisah menarik di sebaliknya. Baru-baru ini viral di laman *Twitter* apabila seorang lelaki ingin memenuhi permintaan isterinya yang mengidam menu Nasi Lemak Pak Nasser, menu yang biasanya dihidang di atas pesawat AirAsia.

4. Suaminya menggunakan medium *Twitter* untuk mengetahui di mana dia boleh mendapatkan nasi lemak tersebut, bagi memenuhi kempunan isterinya yang sedang mengandung anak ketiga mereka.
5. Bapa kepada dua orang anak itu pun mencuba nasib dengan bertanya kepada syarikat penerbangan AirAsia sama ada makanan tersebut boleh didapati di tempat lain. Tanpa diduga pertanyaan Azham mendapat respon pengendali akaun Twitter rasmi AirAsia dengan jawapan balas yang menyatakan isterinya mungkin ingin menaiki penerbangan AirAsia.
6. Yang mengejutkan lagi, *posting* itu turut mendapat sambutan dari para netizen yang ingin membantunya mendapatkan makanan tersebut. Ekoran kemuliaan hati rakyat Malaysia ini, mereka akhirnya berjaya memenuhi permintaan isterinya yang mengidam Nasi Lemak Nasser. Ini adalah satu kelebihan dan keunikan sifat dermawan dan kasih sayang ditunjukkan oleh warga Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan terhormat sekalian,

7. Saya difahamkan AirAsia kerap menerima aduan pengguna yang ingin membeli makanan di atas pesawat tetapi makanan tersebut laris dijual. Melihat kepada permintaan yang tinggi tersebut, Santan kini melebarkan luas tawaran kepada pelanggan meraka. Santan kini menawarkan makanan di atas pesawat dan kini boleh didapati di restoran malah pelanggan dapat menikmati makanan terbaik Asean yang ditawarkan di restoran Santan ini sepanjang tahun.

8. Saya amat berbesar hati melihat sambutan yang diterima oleh AirAsia terutama kepada Tan Sri Tony Fernandes kerana menyambut kempen Beli Barang Malaysia yang digerakkan oleh kementerian ini. Menerusi kerjasama strategik ini AirAsia telah membantu memasarkan produk tempatan melalui menu Santan T&Co didalam penerbangan, katalog di dalam penerbangan yang dikenali sebagai ROKKI dan juga platform AirAsia iaitu OurShop.

Tuan-tuan dan Puan-puan terhormat sekalian,

9. Hari ini, kerjasama di antara kementerian ini dengan Airasia telah melangkah ke satu tahap lagi iaitu dengan pelancaran Restoran Santan and T&Co pada hari ini. Saya juga difahamkan bahawa 75% produk yang di jual di dalam Restoran Santan and T & Co ini dibekalkan dari PKS tempatan.
10. Jika dilihat dan disingkap disebalik usaha ini ianya dapat membantu perniagaan usahawan kecil dan sederhana kita, mencipta peluang pekerjaan dan kesan berangkai kepada pembangunan ekonomi dan domestik dalam negara. Saya amat terharu malah berbangga dengan janji saudara Tony ketika lawatan saya ke AirAsia April lalu, bahawa beliau akan mengembangkan kempen Beli Barang Malaysia rentas semua platform AirAsia sebagai satu kenyataan. Terima kasih Santan dan T&Co kerana memartabatkan produk keluaran Malaysia.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikashi sekalian,

11. Memandang positif ke hadapan saya turut dimaklumkan bahawa AirAsia merancang untuk mengembangkan restoran Santan T&Co ini ke pasaran global bermula dengan negara-negara Asean. saya mewakili seluruh warga besar Kementerian percaya dengan visi yang jelas dan sokongan semua pihak impian AirAsia ini mampu dijayakan. Pengembangan ini memberikan satu berita baik kepada perdagangan dalam negeri kerana perkongsian keuntungan ini turut melimpah kepada usahawan tempatan yang akan membekalkan 75% kepada keperluan Santan dan T&Co.
12. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada AirAsia kerana meletakkan Malaysia harum di persada dunia dengan merangkul anugerah terbaik dunia bagi penerbangan tambang murah selama 11 tahun berturut-turut.
13. Harapan saya dengan titik tolak pada hari ini sebagai tarikh penting kewujudan satu lagi mercu kejalyn AirAsia dapat dilakarkan oleh Santan T&Co. Buat saudara Tony dan Catherine saya yakin di bawah kepimpinan mereka dapat menyediakan satu ruang yang cukup kondusif kepada persekitaran perniagaan di Malaysia dan akhirnya dapat memacu pengembangan ekonomi Malaysia yang lebih baik.

14. Akhirnya, saya dengan ini merasmikan restoran Santan dan T&co pada hari ini dan mendoakan usaha ini diberkati dan selamat maju jaya kepada kumpulan Airasia.

Sekian terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.